

# Kekasih suka mengumpat

## Sikap buruk berkenaan mengganggu hubungan

### KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@metro.com.my

**?** Saya baru bekerja di sebuah agensi kerajaan di utara tanah air sebaik saja menamatkan pengajian. Semangat dan perancangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana tetap ada.

Saya juga mempunyai kekasih dan kami berkenalan selama dua tahun. Hubungan yang pada asalnya kenalan biasa memasuki fasa lebih serius.

Kami banyak berkongsi masalah. Dari beberapa aspek, dia seorang kekasih yang baik. Sikapnya yang suka membantu apabila kesukasan menyebabkan saya suka berkawan dengannya.

Dia juga seorang yang pandai menghormati orang tua. Ibu bapa dan keluarga menyukainya dan beberapa kali berjumpa dengan kekasih saya itu.

Bagaimanapun, ada satu sifatnya yang tidak saya gemari. Sikapnya yang suka mengata orang menjadikan saya kadangkala terganggu dengan hubungan kami.



Ini kerana saya merasakan kekasih seperti mempunyai masalah emosi. Perangainya juga membuatkan saya keliru. Saya sangat berharap dia berhenti daripada suka bercakap buruk mengenai orang lain.

**BOSAN,  
JOHOR**

**!** Kata pepatah, orang yang bijak ialah orang yang membicarakan mengenai ilmu dan idea. Manakala orang yang tidak bijak ialah

orang yang suka membicarakan mengenai orang lain.

Adik adalah individu yang dipercayai kekasih. Gunakan peluang ini untuk berterus terang dengan kekasih secara berikhmah mengenai sikapnya yang suka bercerita buruk mengenai orang lain.

Kekasih adik mempunyai banyak sifat positif. Sifat negatifnya yang suka bercerita buruk mengenai orang lain diharapkan tidak menenggelamkan sifat-sifat positif lainnya.

Banyak faktor menyumbang kepada individu yang

suka bercakap mengenai orang lain. Antaranya ialah sikap cemburu.

Sikap cemburu menyebabkan individu bercakap buruk mengenai orang lain supaya dirinya merasa atau kelihatan hebat. Begitu juga individu yang merasa rendah diri. Tujuannya untuk meningkatkan konsep dirinya sendiri.

Ada juga individu yang tidak suka berterus terang apabila berhadapan dengan orang lain.

Kesannya mereka hanya suka bercakap di belakang.

Individu yang suka bercerita mengenai orang lain juga ada kalanya menghadapi masalah emosi. Apabila emosi sihat, perasaan serta tindakan akan lebih terkawal.

Mengumpat ialah menceritakan atau menyebut keburukan atau kekurangan seseorang kepada orang lain. Rasulullah SAW menjelaskan mengenai mengumpat bermaksud: "Mengumpat itu ialah apabila kamu menyebut perihal saudaramu dengan sesuatu perkara yang dibencinya." (Hadis Riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Awaslah daripada mengumpat kerana mengumpat itu lebih berdosa daripada zina. Sesungguhnya orang melakukan zina, apabila dia bertaubat, Allah akan menerima taubatnya. Dan sesungguhnya orang yang melakukan umpat tidak akan diampunkan dosanya sebelum diampun oleh orang yang diumpat." (Hadis riwayat Ibnu Abi Dunya dan Ibnu Hibban)

Allah akan membalas perbuatan itu dengan menedahkan keburukan pada dirinya. Sabda Rasulullah SAW: "Wahai orang beriman

dengan lidahnya, tetapi belum beriman dengan hatinya, janganlah kamu mengumpat kaum Muslim dan janganlah kamu mengintip keabibanya. Sesungguhnya, sesiapa yang mengintip keabibanya, maka Allah akan mengintip keabibanya dan dia akan mendedahkannya, meskipun dia berada dalam rumahnya sendiri." (Hadis Riwayat Abu Daud)

Keseronokan berbual juga tidak perlu dijadikan oleh individu sebagai medan dalam memburukkan orang lain. Bermuhasabah diri amat penting dalam mencari dan mengenali keburukan dan kekurangan diri. Apabila individu bertemu dan menyedari kekurangan dirinya, secara tidak langsung ia mampu membuatkan dirinya berhenti daripada memburukkan diri orang lain.

Adik masih berpeluang untuk membantu kekasih memberhentikan sikapnya yang suka memburukkan orang. Itu juga satu bentuk kasih sayang adik terhadap dirinya. Dr doakan adik berjaya mengubah sikap negatif kekasih itu supaya tidak lagi merasa keliru dengan perhubungan cinta kalian berdua.

## Tunang ungkit kisah lama

**?** Saya jejak yang baru saja mengikat tali pertunangan dengan gadis yang sudah lama dikenali. Sebelum bertunang, saya mempunyai hubungan dengan beberapa gadis lain.

Namun, saya mengangap perhubungan dengan mereka tidak serius. Ada perhubungan itu yang hanya bertahan tiga bulan saja. Apabila saya bertemu dengan tunang, saya memutuskan semua hubungan dengan mereka. Pada awal perhubungan kami, semuanya berjalan baik. Apa yang menjadi masalah ialah tunang suka mengungkit perkara-perkara lalu.

Bagaimana saya hendak mengatasi sikap tunang itu. Pertamanya dia akan mengungkit mengenai bekas teman wanita saya. Kedua, apa yang saya tidak mampu belikan untuknya.

Pada mulanya, saya mampu melayan kerennanya, namun apabila ia kerap berlaku, saya malas melayan.

Selepas itu dia akan mula

mengugat. Saya sentiasa membiarkannya. Tolonglah saya.

**TIDAK SUKA  
MENGUNGKIT,  
PAHANG**

**!** Ternyata adik masih sayangkan perhubungan ini dan berharap untuk meneruskan pertunangan.

Secara fitrah, Allah menjadikan manusia hidup dalam berpasang-pasangan. Sudah menjadi lumrah setiap insan untuk memperoleh pasangan hidup yang dapat memberikan kebahagiaan.

Namun, jangan lupa setiap insan juga memiliki kekuatan dan kelemahan. Saling menghargai antara satu sama dan sikap sentiasa bersyukur akan segala nikmat yang diberikan adalah benih-benih kebahagiaan dalam kehidupan.

Mengungkit bukanlah sikap yang boleh membawa kepada kebahagiaan, bahkan sebaliknya boleh menghancurkan perhubungan.

Sikap mengungkit ber-

punca daripada perasaan marah, dendam, dan tidak puas hati yang terbuku sejak sekian lama.

Perasaan ini terus terpendam dan tidak berjaya diselesaikan dengan baik sehingga ia tidak dapat dilupakan apatah lagi untuk dimaafkan lalu mendatangkan ugutan dan ancaman yang boleh memudaratkan.

Tindakan membiarkan dan menurut segala kemahuan pasangan bukanlah cara terbaik untuk keluar daripada masalah ini bahkan akan membuatkan adik berasa tidak selesa kerana setiap tindakan bukanlah datang daripada kehendak sendiri.

Sebaiknya Dr mencadangkan agar adik dan pasangan perbaiki semula corak komunikasi sekiranya mahu menyelamatkan perhubungan ini.

Adik harus berusaha mengajak pasangan duduk bersemuka dan berbincang dengan penuh rasa hormat antara satu lain. Pilihlah



masa dan tempat yang sesuai dan selesa sebelum memulakan perbincangan.

Berbincang dalam keadaan baik dan saling memberi ruang antara satu sama lain untuk meluahkan perasaan yang terpendam akan membantu adik dan pasangan mengenal pasti permasalahan yang berlaku seterusnya menyelesaikan permasalahan itu secara bersama.

Melihat kepada aspek kekurangan yang ada pada pasangan semata-mata bukan

lah langkah yang baik, sebaliknya berilah penekanan terhadap aspek positif yang ada pada pasangan.

Langkah ini akan membuka ruang kemaafan daripada kedua-dua belah pihak, sekali gus membawa kepada sebuah kedamaian dan keharmonian dalam perhubungan.

Peluang kedua harus diberikan kepada pasangan baik daripada diri adik sendiri mahupun daripada pihak pasangan. Beri masa kepada kedua-dua pihak

untuk memperbaiki diri masing-masing dan saling bermaafan.

Kehidupan berumah tangga memang memerlukan rasa saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain serta ikhlas menerima diri pasangan seadanya.

Perbaiki corak komunikasi, kenal pasti permasalahan dihadapi, capai persetujuan untuk menyelesaikan bersama dan mulakan lembaran dengan penuh kesyukuran.